

# Akaun peribadi Najib dibuka terima sumbangan Arab Saudi

Oleh NORLIZAH ABAS  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Mahkamah Tinggi di sini semalam diberitahu, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memaklumkan pegawai penyiasat bahawa akaun peribadinya di Bank AmIslamic dibuka bertujuan menerima sumbangan daripada Arab Saudi.

Asisten Komisioner (ACP) Foo Wei Min berkata, bekas Ahli Parlimen Pekan itu memberitahu pasukan siasatan bahawa beliau menantikan sumbangan daripada kerajaan tersebut.

Saksi pendakwaan ke-48 yang juga Pengarah Bahagian

Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA) berkata, Najib sebelum itu mengadakan pertemuan dengan Raja Arab Saudi ketika itu, Almarhum Abdullah Abdul Aziz Al Saud.

Dalam prosiding pemeriksaan balas yang dikendalikan oleh peguam Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah, Wei Min berkata, beberapa transaksi berasal daripada 'Putera Faisal Turki Al Saud' dan 'Kementerian Kewangan Riyadh'.

Malah, pegawai penyiasat itu turut mengesahkan cadangan Muhammad Shafee bahawa akaun peribadi Bank AmIslamic milik yang berakhir dengan nombor 694 menerima dana

daripada Bank Riyad.

Kata beliau, beberapa transaksi direkodkan dalam akaun AmBank bekas Perdana Menteri itu yang berlaku pada 2011 melibatkan dana berasal dari Arab Saudi.

**Muhammad Shafee:** Arahan anak guam saya ialah, beliau membuka akaun untuk menerima derma Arab Saudi dan itu pendiriannya dalam kes ini. Bukankah beliau memaklumkan kepada anda mengenainya?

**Wei Min:** Ya.

**Muhammad Shafee:** Akaun dengan nombor berakhir 694 yang dibuka untuk menerima wang sumbangan itu, memang sebenarnya datang dari Arab

Saudi, iaitu Bank Riyad?

**Wei Min:** Ya.

Saksi itu bagaimanapun berkata pihak berkuasa tidak mendapatkan penyata bank daripada Arab Saudi sebagai sebahagian daripada siasatan mereka.

Beliau tidak bersetuju dengan cadangan Muhammad Shafee bahawa terdapat kelompangan dalam siasatannya kerana polis tidak memperoleh penyata bank daripada dua pihak tersebut.

Saksi menjelaskan, siasatannya hanya memfokuskan kepada penerimaan, penggunaan, dan pemindahan wang yang diperoleh secara tidak sah dalam akaun Najib.

Ketika disoal sama ada beliau mengetahui sumber wang yang dipindahkan oleh Putera Faisal dan 'Kementerian Kewangan Riyadh ke akaun Najib, saksi itu menjawab, ia berasal daripada wang 1Malaysia Development Berhad'.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah (kini Hakim Mahkamah Rayuan) bersambung esok.

Najib dibicarakan atas 25 tuduhan salah guna kuasa dan pengubahan wang haram dana yang didakwa milik 1MDB berjumlah RM2.28 bilion didepositkan dalam akaun AmBank miliknya antara Februari 2011 dan Disember 2014.